

WAQAF DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PEMBANGUNAN MAMPAN***WAQAF AND ITS IMPLICATIONS FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT***Norsyaibah Azmy^{1*}Hallieyana Sha'ari²

¹Fakulti Syariah dan Muamalat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, 15730 Kelantan, Malaysia (Emel: n.syaibah_furqan@yahoo.com)

²Fakulti Syariah dan Muamalat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, 15730 Kelantan, Malaysia (Emel: hallieyana@kias.edu.my)

*Corresponding author: n.syaibah_furqan@yahoo.com

Abstrak

Waqaf merupakan instrumen penting dalam ekonomi Islam yang berfungsi sebagai mekanisme kebajikan sosial dan pengagihan semula kekayaan. Berasaskan konsep sadaqah jariyah, waqaf mampu memberi manfaat berterusan kepada pendidikan, kesihatan, pembangunan infrastruktur dan kesejahteraan ekonomi umat Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen, kajian literatur, dan data sekunder daripada laporan institusi waqaf di Malaysia. Dapatan menunjukkan bahawa pelaksanaan waqaf kontemporari semakin berkembang melalui sokongan institusi agama negeri, agensi persekutuan dan sektor korporat. Namun, beberapa cabaran dikenal pasti, khususnya dalam aspek tadbir urus, pengurusan aset, piawaian perakaunan dan tahap kesedaran masyarakat yang masih rendah. Kajian ini juga mendapati bahawa digitalisasi, pengukuhan tadbir urus, pendidikan awam serta kerjasama strategik berupaya memperkukuh pengurusan waqaf. Secara keseluruhan, hasil kajian menegaskan potensi besar waqaf sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi yang inklusif, adil dan mampan, serta relevan dalam konteks pembangunan masyarakat Islam di Malaysia.

Kata kunci: *waqaf, sosioekonomi Islam, pembangunan masyarakat*

Abstract

Waqaf is an important instrument in the Islamic economy that functions as a mechanism for social welfare and wealth redistribution. Based on the concept of sadaqah jariyah (continuous charity), waqaf can provide ongoing benefits to education, healthcare, infrastructure development, and the economic well-being of the Muslim community. This study adopts a qualitative approach through document analysis, literature review, and secondary data obtained from waqf institution reports in Malaysia. The findings indicate that contemporary waqf implementation is increasingly expanding through the support of state religious institutions, federal agencies, and the corporate sector. However, several challenges have been identified, particularly in governance, asset management, accounting standards, and the relatively low level of public awareness. The study also finds that digitalization, strengthened governance, public education, and strategic collaboration can enhance waqf management. Overall, the results underscore the great potential of waqf as an inclusive, equitable, and sustainable socio-economic development instrument, highly relevant to the context of Islamic community development in Malaysia.

Keywords: *waqf, Islamic socioeconomics, community development*

PENDAHULUAN

Waqaf merupakan sebuah institusi endowmen dalam kerangka ekonomi Islam yang memainkan peranan penting dalam sistem sosioekonomi umat Islam. Ia berfungsi sebagai mekanisme pembangunan kebajikan sosial melalui pengkhususan aset bagi kepentingan awam. Aset waqaf, khususnya harta tidak alih, dimanfaatkan untuk membiayai pelbagai perkhidmatan awam seperti pendidikan, kesihatan, dan pembangunan infrastruktur, tanpa menjejaskan nilai asal harta tersebut. Berteraskan konsep *sadaqah jariyah*, waqaf menyediakan mekanisme sumbangan berterusan yang memberi manfaat jangka panjang kepada masyarakat, sekali gus meneguhkan kedudukannya sebagai instrumen asas dalam pembangunan sosioekonomi Islam (Ardo et al., 2024). Dalam praktiknya, waqaf bermaksud mengekalkan sesuatu harta supaya tidak habis digunakan atau rosak, sambil membolehkan manfaatnya dimanfaatkan untuk tujuan kebajikan (Palasenda et al., 2024). Hal ini menjadikan waqaf bukan sahaja sebagai satu bentuk ibadah, tetapi juga sebagai instrumen tanggungjawab sosial.

Dalam dunia globalisasi dan pelbagai perubahan yang berlaku dengan begitu cepat, isu kemiskinan, ketidaksamarataan, serta kekurangan akses kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan masih menjadi cabaran utama (Katty et al., 2011; Kamarzaman et al., 2024). Waqaf, sekiranya diuruskan dengan berkesan, ianya berpotensi untuk menangani cabaran-cabaran ini melalui pengagihan kekayaan dan aset bagi kepentingan kebajikan awam (Noor Aimi et al., 2015; Kamarzaman et al., 2024). Oleh itu, menghidupkan kembali institusi waqaf adalah sangat penting untuk memperkukuh masyarakat Muslim serta memastikan pembangunan sosioekonomi yang menyeluruh. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji peranan dan kepentingan waqaf dalam pembangunan sosioekonomi dengan menganalisis sejarah waqaf, sumbangan waqaf kepada masyarakat, amalan kontemporari, cabaran yang dihadapi, serta hala tuju pada masa hadapan.

SOROTAN LITERATUR

Konsep Waqaf

Waqaf merupakan salah satu instrumen ekonomi Islam yang telah lama diamalkan dalam sejarah peradaban Islam bagi menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Ia memainkan peranan penting dalam menyediakan pelbagai kemudahan asas seperti pendidikan, kesihatan, kebajikan, dan pembangunan ekonomi umat Islam secara menyeluruh (Azha et al., 2013). Secara ringkasnya, wakaf merujuk kepada penyerahan hak pemilikan harta oleh pewakaf kepada Allah SWT dengan tujuan agar harta tersebut dimanfaatkan bagi kesejahteraan dan kemaslahatan masyarakat secara menyeluruh. Kata "waqafa", yang bermaksud berhenti, menahan, atau mencegah, adalah asal perkataan waqaf dalam bahasa (Mohamed et al., 2021; Nasution et al., 2024; Borham et al., 2013). Dari segi istilah, waqaf merujuk kepada harta yang tidak boleh digunakan oleh pewaqaf untuk sebarang tujuan, seperti jual beli, pewarisan, hibah, atau wasiat, dengan syarat sumber asal harta kekal. Pewaqaf kemudiannya menggunakan harta itu untuk tujuan kebajikan untuk mendekatkan diri mereka kepada Allah SWT. Secara amnya, waqaf bermakna menghalang harta daripada dijual,

digadai, dihibahkan, atau dipindahkan sebagai warisan supaya faedah harta itu boleh digunakan sebagai sedekah di jalan Allah (Zakaria et al., 2014).

Dari sudut terminology sebagaimana di Jadual 1, para ulama fiqah mempunyai perbezaan pendapat dalam mentakrifkan maksud waqaf:

Jadual 1: Maksud Waqaf

PANDANGAN ULAMA FIQAH	MAKSUD	SUMBER
Mazhab Hanafi	Penahanan hak pemilikan terhadap sesuatu harta, sementara manfaat daripada harta tersebut diberikan kepada mereka yang berhak menerimanya.	Nasution et al. (2024) Noor et al. (2019)
Mazhab Maliki	Penggunaan harta pewaqaf, sama ada dalam bentuk sewaan atau manfaat lain, yang dikhususkan kepada pihak yang berhak melalui suatu akad untuk tempoh tertentu mengikut kehendak pewaqaf.	Nasution et al. (2024) Noor et al. (2019)
Mazhab Syafie	Harta yang kekal bentuk asalnya serta mempunyai potensi untuk memberikan manfaat. Selaras dengan ketetapan syarak, hak pemilikan dan pengurusan harta waqaf tidak lagi berada pada pewaqaf, sebaliknya dialihkan kepada nazir sebagai pihak yang bertanggungjawab menguruskan waqaf tersebut.	Borham et al. (2013) Nasution et al. (2024) Noor et al. (2019)
Mazhab Hanbali	Menahan penggunaan harta yang boleh memberi manfaat daripada pemiliknya secara mutlak, dengan mengekalkan zat harta tersebut, sebagai satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.	Nasution et al. (2024) Noor et al. (2019)

Menurut Borham et al. (2013), Karim & Rosman (2014), Mohamed et al. (2021) dan Nasution et al. (2024), waqaf terbahagi kepada dua kategori utama, iaitu Waqaf khas dan Waqaf am. Pembahagian ini dapat dilihat dengan lebih jelas seperti Jadual 2.

Jadual 2: Jenis Waqaf

JENIS WAQAF	PENERANGAN
Waqaf khas	Waqaf yang manfaatnya telah ditentukan secara khusus oleh pewaqaf pada saat pewaqafan dibuat. Dalam hal ini, pihak yang berhak dikenal pasti dengan jelas, dan penggunaan harta waqaf hanya terhad kepada tujuan yang dinyatakan. Oleh itu, hanya pihak yang layak berhak memanfaatkan harta waqaf, dan ia tidak boleh digunakan untuk tujuan lain selain daripada yang telah ditetapkan. Pewaqafan tanah atau hasilnya untuk digunakan sebagai masjid, surau, sekolah, tanah perkuburan Islam, atau rumah anak yatim adalah contohnya. Oleh kerana pemegang amanah (mutawalli) terikat dengan niat pewaqaf sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang dan syarak, mereka tidak mempunyai kuasa penuh untuk menguruskan harta tersebut. Walau bagaimanapun, pemegang amanah masih mempunyai keupayaan untuk menggunakan kebijaksanaannya untuk meningkatkan hasil waqaf; ini termasuk menetapkan kadar sewa
Waqaf am	Waqaf yang dibuat untuk tujuan kebajikan umum, seperti kemajuan ekonomi atau keagamaan, tanpa menetapkan tujuan atau pihak yang berhak menerima manfaatnya. Pemegang amanah mempunyai keupayaan untuk menggunakan harta tersebut dalam apa jua cara yang mereka suka, selagi ia memberi manfaat kepada umat Islam, baik sekarang mahupun pada masa hadapan. Misalnya, pewaqafan sebidang tanah untuk kepentingan umum. Waqaf am tidak terikat dengan kos tertentu, menjadikannya lebih fleksibel dari segi pengurusan. Dalam keadaan seperti ini, pemegang amanah mempunyai keupayaan untuk merancang dan membangunkan harta waqaf dengan cara yang akan menghasilkan hasil yang paling besar, yang kemudiannya akan disalurkan kepada pelbagai bentuk kebajikan umum.

Sejarah Waqaf

Institusi waqaf dalam sejarah Islam memperlihatkan peranan yang signifikan bukan sahaja sebagai amalan ibadah yang berteraskan ketaatan kepada Allah SWT, tetapi juga sebagai instrumen sosioekonomi yang menyumbang secara langsung kepada pembangunan masyarakat. Melalui pelbagai bentuk pewaqafan, umat Islam sejak zaman awal lagi telah menggembleng sumber daya bagi memperkukuh kebajikan awam dan infrastruktur sosial, sekaligus membuktikan kelestarian fungsi waqaf dalam kerangka pembangunan ummah.

Antara contoh agung dalam sejarah Islam yang memperlihatkan keutamaan waqaf sebagai instrumen kebajikan ialah tindakan Saidina Umar al-Khattab RA yang mewaqafkan tanah pertaniannya di Khaibar bagi tujuan kebajikan. Begitu juga dengan Saidina Uthman RA yang membeli dan mewaqafkan Telaga Raumah untuk memenuhi keperluan air penduduk di Kota Madinah. Sumbangan waqaf turut ditunjukkan oleh Abu Talhah RA yang mewaqafkan kebun Biyarha' sebagai lambang ketaatan kepada Allah SWT (Abd Rahman et al., 2018). Pembinaan Masjid Quba dan Masjid Nabawi juga berlaku di atas tanah yang diwaqafkan, menunjukkan betapa pentingnya waqaf dalam kehidupan umat Islam terdahulu (Aziza et al., 2021).

Perkembangan institusi waqaf tidak terhenti pada zaman para sahabat, bahkan terus berkembang pada era pemerintahan Khalifah Uthmaniyyah. Pada ketika itu, waqaf menjadi antara instrumen utama dalam membangunkan institusi sosial seperti universiti, sekolah, hospital, serta pelbagai fasiliti awam yang lain. Salah satu institusi waqaf yang paling terkenal ialah Universiti al-Azhar di Mesir, yang dibina dan diuruskan sepenuhnya berdasarkan sistem waqaf (Saufi et al., 2021). Hospital, perpustakaan, hotel, dan infrastruktur awam lain di kawasan Muslim sebahagian besarnya telah dibangunkan melalui sistem ini (Nasution et al., 2024; Mohamed et al., 2021; Noor et al., 2019). Kejayaan ini membuktikan bahawa waqaf bukan sekadar ibadah sunat, tetapi turut memainkan peranan dalam pembangunan sosioekonomi ummah.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan **pendekatan kualitatif** bagi meneliti peranan dan kepentingan waqaf dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam di Malaysia. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memahami secara mendalam konteks, konsep, dan amalan waqaf berdasarkan sumber ilmiah dan dokumen rasmi yang berkaitan.

Kajian ini berbentuk kajian kepustakaan yang menumpukan kepada pemerhatian terhadap konsep, sejarah, amalan kontemporari, serta cabaran institusi waqaf. Kajian deskriptif membolehkan pengkaji menghuraikan fenomena waqaf berdasarkan bukti empirikal dan teori yang telah dibincangkan dalam kajian lepas. Data yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada data sekunder, termasuk jurnal akademik, laporan tahunan institusi waqaf, buku, artikel ilmiah, serta maklumat daripada laman web rasmi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), dan agensi-agensi berkaitan. Sumber-sumber ini dipilih kerana ia menyediakan maklumat yang sahih, terkini, dan relevan dengan objektif kajian.

Data dikumpul melalui analisis dokumen dan kajian literatur. Proses ini melibatkan penilaian sistematik terhadap bahan bertulis bagi mengenal pasti tema, pola, dan isu utama berkaitan pengurusan waqaf, termasuk aspek tadbir urus, pembangunan aset, serta impak sosial dan ekonomi terhadap masyarakat Islam. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan. Kaedah ini digunakan untuk meneliti makna tersirat dan tersurat dalam setiap sumber bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan dan cabaran pelaksanaan waqaf. Analisis ini turut membolehkan pengkaji membuat perbandingan antara teori dan amalan waqaf tradisional serta kontemporari di Malaysia.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kepentingan Sosioekonomi Waqaf

Waqaf bukan sahaja berperanan sebagai mekanisme pengagihan semula kekayaan, malah turut menjadi instrumen penting dalam memperkukuh keupayaan individu dan

masyarakat melalui penyediaan bantuan asas seperti modal perniagaan, rawatan kesihatan, makanan berkhasiat, serta kemudahan infrastruktur. Pada masa yang sama, waqaf memberi sumbangan signifikan kepada kesejahteraan masyarakat dengan menyediakan sumber berterusan bagi pendidikan, kesihatan, dan pembangunan ekonomi umat Islam.

Pendidikan

Pendidikan ialah suatu proses berterusan yang merangkumi pendidikan, latihan, bimbingan, dan kepimpinan. Pendidikan memberi tumpuan kepada pemindahan ilmu, nilai budaya, agama, dan kemahiran yang berguna daripada satu generasi kepada generasi seterusnya atau daripada seorang kepada yang lain (Mustaffa et al., 2014). Sejarah juga menunjukkan bahawa dana waqaf telah membina banyak universiti, madrasah, dan pusat pendidikan. Universiti Cordova di Andalusia, Universiti al-Azhar di Mesir (Nawi & Daud., 2016), Universiti Islam Indonesia, Pondok Modern Darussalam Gontor di Indonesia, Madrasah Al-Junied di Singapura, dan al-Jamiah al-Islamiah di Madinah adalah beberapa contoh (Mustaffa et al., 2014; Mohd Taib et al., 2014). Pada era pemerintahan Abbasiyyah, Ayyubiyyah dan Uthmaniyyah pula, waqaf memainkan peranan utama dalam pembangunan pusat pendidikan, masjid dan perpustakaan (Mohd Taib et al., 2014), sekali gus membuktikan bahawa waqaf bukan sekadar instrumen kebajikan, tetapi juga mekanisme strategik dalam melahirkan modal insan berkualiti. Malah, di peringkat moden, waqaf terus memberi impak besar apabila di Turki sahaja sebanyak 142 buah universiti telah dibangunkan sepenuhnya melalui dana waqaf, manakala di Cyprus terdapat 87 buah sekolah dan universiti yang turut dibiayai oleh sumber yang sama. Tidak ketinggalan, di Chechnya sebanyak 800 buah universiti dan di Azerbaijan sebanyak 786 buah universiti juga telah diwujudkan hasil sokongan penuh waqaf (Mohd Taib et al., 2014).

Di Malaysia, peranan waqaf dalam pendidikan semakin terserlah melalui penubuhan Universiti Islam Malaysia (UIM) di Cyberjaya sebagai universiti waqaf pertama negara dengan sokongan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dan selepas tahun 2000, pembangunan waqaf terus pesat melalui penubuhan pelbagai agensi

kerajaan yang mengawal selia serta melaksanakan projek waqaf secara sistematik, termasuk kejayaan pengumpulan dana waqaf yang besar demi memperkukuh pembangunan pendidikan tinggi (Ismail et al., 2015).

Selepas tahun 2000, waqaf pendidikan di peringkat Universiti Awam semakin berkembang. Terdapat beberapa Universiti Awam yang terlibat dalam pelaksanaan waqaf pendidikan, sebagaimana dilaporkan dalam kajian lepas oleh Muda et al. (2014), Don (2016), Hussin & Abdul Rashid., (2018) dan Rashid et al. (2022), telah dirumuskan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Waqaf Pendidikan di Universiti Awam Malaysia

UNIVERSITI	NAMA PENUBUHAN	KERJASAMA	TAHUN	OBJEKTIF
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Dana Waqaf Ilmu UKM (DWIUKM)	Perbadanan Waqaf Selangor (PWS)	2010	Memperkukuh pelaksanaan program akademik, penyelidikan, jaringan industri serta memberi peluang kepada pelajar untuk mengikuti program pertukaran dan pengalaman pembelajaran di luar negara.
Universiti Putra Malaysia (UPM)	Dana Waqaf Ilmu UPM (DWI)	Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	2012	Menyokong pengajaran dan pembelajaran, program dakwah, program penyelidikan dan inovasi, dan khidmat komuniti.
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	Dana Waqaf Al-Abrar USIM	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)	2013	Matlamat utama untuk menyokong pelajar miskin, menggalakkan aktiviti akademik, dan meningkatkan kemudahan universiti.
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	Dana Waqaf Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (DWP-UTM)	Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ)	2016	Menyediakan biasiswa kepada penerima (Mawquf Alaih) terpilih sebagai alternatif kepada skim-skim bantuan kewangan yang sedia ada serta menyediakan dana kepada pihak berkaitan bagi tujuan penyelidikan, konsultansi, pembangunan makmal, penyediaan tesis dan lain-lain.

Kesihatan

Selain bidang pendidikan, waqaf juga memainkan peranan penting dalam pembangunan sektor kesihatan dan kebajikan masyarakat. Waqaf boleh dilihat sebagai salah satu cara yang berkesan untuk membiayai keperluan kesihatan. Menariknya, sumber waqaf bukan hanya dalam bentuk wang atau keuntungan, tetapi juga boleh hadir dalam bentuk perkhidmatan dan kepakaran yang menyumbang kepada pembentukan pasukan kesihatan yang lebih cekap. Tambahan pula, tempoh waqaf juga fleksibel kerana ia bergantung kepada kemampuan pewaqaf serta keperluan semasa masyarakat (Ab Rahman et al., 2020).

Sejarah menunjukkan terdapat beberapa hospital ditubuhkan ketika zaman kegemilangan Islam seperti Hospital Ibn Tulun di Mesir, Hospital Mansuri, Hospital Marakish dan sebagainya (Mohamed et al., 2021). Hospital tersebut ditubuhkan berasaskan kepada dana waqaf yang menyediakan rawatan percuma kepada masyarakat serta menjadi pusat penyelidikan dan latihan doktor. Di Malaysia, konsep waqaf kesihatan turut dilaksanakan dengan berkesan oleh Johor Corporation. Menurut Borham et al. (2013) dan Karim & Rosman (2014), Johor Corporation (JCorp) menubuhkan Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) yang kini telah berkembang kepada 26 buah klinik iaitu 9 buah klinik bergerak, 9 klinik dan 8 pusat dialisis yang beroperasi di beberapa negeri. Senarai keseluruhan 26 buah klinik di bawah JCorp dapat dilihat pada rajah di bawah:

Jadual 4: Senarai Klinik Waqaf An-Nur (Laporan Tahunan WANCorp, 2024)

NEGERI	PUSAT RAWATAN	KLINIK BERGERAK	KLINIK	DIALISIS
Johor	KWAN Pasir Gudang	✓	✓	✓
	KWAN Galleria@Kotaraya			✓
	KWAN Bukit Tiram			✓
	KWAN Muar		✓	
	KPJ Kluang, Johor	✓		
Pulau Pinang	KWAN Masjid Seberang Jaya		✓	

NEGERI	PUSAT RAWATAN	KLINIK BERGERAK	KLINIK	DIALISIS
	KPJ Pulau Pinang & Lembaga Zakat Pulau Pinang	✓		
Kelantan	KWAN Masjid Ismaili		✓	✓
Kedah	Kedah Medical Centre & Lembaga Zakat Kedah	✓		
Sabah	KPJ Sabah & Majlis Ugama Islam Sabah	✓		
Pahang	KPJ Pahang & Waqaf Felda	✓		
Perak	KWAN Manjoi		✓	
Negeri Sembilan	KWAN Senawang KWAN Rembau			✓ ✓
Selangor	KWAN Ijok, Kuala Selangor KWAN Masjid Bandar Sultan Suleiman, Klang KWAN Bukit Indah, Ampang KWAN Masjid Al-Fatah USJ9, Subang Jaya KPJ Damansara & Waqaf Selangor Muamalat KPJ Kajang & Waqaf Selangor Muamalat KPJ Perdana & Waqaf Selangor Muamalat	✓ ✓ ✓ ✓	✓ ✓ ✓ ✓	✓ ✓

Hospital-hospital ini menawarkan rawatan berharga rendah kepada masyarakat, khususnya golongan B40. Selain daripada perkhidmatan kesihatan yang asas, Klinik Waqaf An-Nur juga menyediakan perkhidmatan Pusat Dialisis. Setiap pesakit hanya perlu membayar sebanyak RM10 untuk setiap rawatan termasuk ubat-ubatan dan

RM130 bagi pesakit yang mendapatkan rawatan hemodialisis. Baki dari kos sebenar ditanggung sepenuhnya oleh Dana Waqaf An-Nur (Laporan Tahunan WANCorp, 2024).

Selain itu, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) turut memainkan peranan signifikan dalam memperkasa sektor kesihatan melalui penubuhan dana waqaf khas yang digunakan untuk membiayai pelbagai keperluan perubatan seperti peralatan kesihatan, ubat-ubatan, kos rawatan, serta kemudahan sokongan lain. Antara projek waqaf kesihatan yang dijalankan oleh MAIN:

Jadual 5: Projek Waqaf Kesihatan MAIN (Sumber: Mohamed et al., 2021)

MAIN	PROJEK WAQAF KESIHATAN
Johor	Pembelian Mesin Hemodialisis
Melaka	Pembelian Mesin Hemodialisis
Negeri Sembilan	- Klinik dan Pusat Dialisis Waqaf An-Nur - Mesin Hemodialisis - Peralatan Perubatan - Bantuan Peralatan Rawatan COVID-19
Kuala Lumpur	- Sumbangan kepada Surau Ibnu Sina dan Anjung Kasih, Hospital Putrajaya - Manfaat keperluan kesihatan
Selangor	- Klinik Bergerak Waqaf Selangor Muamalat - Peralatan perubatan: Mesin Dialisis, mesin <i>oksigen concentrator</i>, mesin monitor pesakit, mesin ultrabunyi, mesin mengesan batu karang, kerusi roda, katil, drip <i>stand</i>, <i>oxygen concentrator</i>, <i>syringe pump</i>, mesin <i>professional powerheart</i>, Tangki Simpanan Nitrogen, kerusi pergigian. - Bantuan Peralatan Rawatan COVID-19
Perak	Pusat Hemodialisis
Kelantan	- Peralatan Perubatan: Mesin ultrasound, mesin kardiologiografi, mesin pemeriksaan tanda vital bagi pesakit neonate, katil pesakit, mesin penyedut mukus, kerusi roda, dan kerusi menunggu pesakit - Bantuan Peralatan Perubatan COVID-19
Terengganu	Pusat Hemodialisis
Pahang	Klinik al-Amin Kuantan
Kedah	Projek sektor kesihatan
Perlis	Pusat Autisme Negeri Perlis

MAIN	PROJEK WAQAF KESIHATAN
	Kompleks Bangunan Waqaf Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) Perkhidmatan Dialisis Hospital Tuanku Fauziah (HTF) Kangar.
Sabah	Bantuan umum kesihatan
Sarawak	Bantuan umum kesihatan
Pulau Pinang	- Klinik Waqaf An-Nur di Pulau Pinang - Wad Pesakit Terlantar Darul Hanan

Kesemua usaha ini memperlihatkan bahawa waqaf mempunyai potensi besar untuk menjadi pelengkap kepada sistem kesihatan negara, sekali gus memastikan akses rawatan yang lebih inklusif, menyeluruh, dan mampan bagi masyarakat.

Pembangunan Ekonomi

Waqaf secara tradisinya berfungsi sebagai instrumen sosial yang melindungi golongan yang memerlukan seperti fakir miskin, anak yatim, balu, dan musafir. Dari sudut pembangunan ekonomi, waqaf tunai menjadi salah satu sumber utama dalam membantu masyarakat. Amalan waqaf tunai sangat penting untuk dibudayakan dalam kalangan masyarakat Melayu Islam kerana jika ia dilaksanakan dengan baik, sumbangannya boleh memberi impak besar terhadap pembangunan ekonomi Islam. Melalui dana waqaf, pelbagai bentuk bantuan dapat disediakan seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, dan modal perniagaan kecil kepada golongan yang memerlukan. Ini menjadikan waqaf sebagai jaringan keselamatan sosial yang wujud jauh sebelum lahirnya konsep negara kebajikan moden. Di Malaysia, pelbagai projek waqaf telah dilaksanakan untuk membantu golongan miskin dan asnaf. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) telah menguruskan waqaf tunai dengan pembahagian yang jelas, iaitu 40% dilaburkan semula ke dalam dana waqaf bagi memastikan kesinambungan dan pertumbuhan dana, manakala baki 60% diagihkan kepada tiga sektor utama: pertama, membiayai pembesaran atau penyelenggaraan institusi Islam seperti masjid, surau, sekolah agama dan pertubuhan Islam; kedua, menyokong program-program pendidikan dan keagamaan; dan ketiga, menyediakan bantuan serta keperluan sosial umat Islam selaras dengan hukum syarak. Selain itu,

dana waqaf juga digunakan untuk membantu sekolah-sekolah yang memerlukan serta memberi sokongan kepada anak-anak yatim (Mohammad, 2025). Majlis Agama Islam Perak (MAIPk) di Perak telah memutuskan untuk memulakan Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) sebagai satu cara untuk mengumpul waqaf. Pelbagai projek telah dilaksanakan melalui inisiatif ini. Ini termasuk pembinaan asrama waqaf, bot waqaf, pusat hemodialisis, waqaf ilmu, pusat perniagaan dan institusi tahfiz. MAIPk memberi tumpuan kepada projek-projek ini kerana mereka dianggap mampu meningkatkan kesejahteraan sosial umat Islam (Mohamed et al., 2024).

Selain itu, Waqaf Korporat Johor Corporation (JCorp) telah menjadikan saham perniagaan sebagai aset waqaf, di mana keuntungan yang diperoleh diagihkan untuk tujuan kebajikan masyarakat. Dana ini disalurkan melalui agihan manfaat *Fisabilillah* untuk menyokong program kebajikan dan amal, pembangunan modal insan, rawatan pesakit dan pelbagai keperluan lain. Apabila ia datang kepada pembangunan sosioekonomi, WANCorp juga menubuhkan Waqaf Dana Niaga (WDN), skim bantuan kewangan dengan konsep pinjaman kebajikan. Selain itu, WANCorp juga menubuhkan Briged Waqaf, yang bertanggungjawab menyediakan bantuan kecemasan dalam kes bencana alam seperti gempa bumi, tsunami dan bencana alam lain (Borham, 2011). Terdapat juga inisiatif pembangunan komersial berasaskan waqaf seperti hotel, pasar raya, dan ladang pertanian yang menjana keuntungan untuk diagihkan kepada masyarakat. Model-model ini membuktikan bahawa waqaf boleh menjadi pemacu pembangunan ekonomi berteraskan keadilan sosial dan manfaat bersama.

Secara keseluruhannya, waqaf berperanan penting dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam melalui sumbangannya dalam pendidikan, kesihatan, kebajikan sosial, serta pembangunan ekonomi. Pemerkasaan waqaf dengan tadbir urus yang telus dan inovasi moden seperti waqaf tunai serta waqaf digital akan memastikan kelestariannya sebagai nadi utama pembangunan masyarakat yang menyeluruh, adil, dan mampan.

AMALAN KONTEMPORARI DAN CABARAN

Dalam konteks semasa, institusi waqaf sedang mengalami proses pemodenan berasaskan tadbir urus, di mana struktur tradisional yang melibatkan pewaqaf, mutawalli (pemegang amanah) dan penerima manfaat diselaraskan semula dengan instrumen kewangan Islam moden, piawaian perakaunan, serta teknologi digital. Di Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) berperanan sebagai pemegang amanah tunggal di peringkat negeri (Mustaffa et al., 2022), manakala Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) berfungsi sebagai agensi persekutuan yang memacu kerjasama serta pembangunan berskala nasional, sekali gus memastikan aset waqaf dapat dimajukan secara produktif dan patuh syariah (Dahalan, 2023).

Amalan kontemporari paling ketara ialah peluasan waqaf tunai dan pendigitalan saluran sumbangan (Mohamad et al., 2025). Di peringkat nasional, Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah memperkenalkan Sistem Waqaf Tunai Malaysia (SWTM) yang menyediakan kemudahan bayaran melalui FPX, potongan gaji berkala dan penggunaan kod QR (Baharudin & Bahri, 2023). Inovasi ini memudahkan penyertaan pewaqaf sama ada individu mahupun korporat (Mustaffa et al., 2022). Di Negeri Perak pula, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) melalui inisiatif Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) menawarkan pelbagai saluran untuk berwaqaf seperti kad debit, bayaran atas talian, potongan gaji, serta aplikasi mudah alih seperti *InfaqPay* (Mohamed et al., 2024). Pada masa yang sama, Perbadanan Waqaf Selangor (PWS) dengan kerjasama Bank Muamalat sejak tahun 2012 telah menunjukkan bagaimana institusi kewangan Islam boleh menjadi platform yang teratur bagi kutipan dan pengurusan waqaf tunai (Baharudin et al., 2023). Kesemua inisiatif ini membuktikan wujudnya kerjasama antara MAIN, agensi persekutuan dan sektor kewangan dalam memperluas penyertaan masyarakat melalui saluran digital yang lebih mesra pengguna.

Dalam sektor kesihatan dan kebajikan, model waqaf korporat menunjukkan impak yang ketara. Johor Corporation (JCorp) melalui Waqaf An-Nur telah menubuhkan rangkaian Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) dengan sokongan kepakaran KPJ

Healthcare. Rangkaian ini merangkumi klinik tetap dan bergerak yang menawarkan rawatan berpatutan kepada golongan asnaf serta komuniti rentan (Laporan Tahunan WANCorp, 2024; Borham et al., 2013). Di Terengganu pula, kerjasama antara Bank Rakyat dan MAIDAM melalui program waqaf Tunai Pusat Dialisis membuktikan bagaimana dana waqaf tunai dapat ditukar menjadi aset kesihatan yang memberi manfaat terus kepada masyarakat (Mohamed et al., 2021). Gabungan peranan korporat, institusi agama negeri, dan bank pembangunan ini menyerlahkan fungsi waqaf sebagai jambatan sosial yang melengkapkan sistem kesihatan awam.

Walaupun waqaf kini dilaksanakan dengan lebih moden, ia tetap berdepan cabaran dalam aspek tadbir urus dan undang-undang. Di Malaysia, kerana hal ehwal Islam ditadbir di peringkat negeri, wujud perbezaan peraturan, cara pendaftaran tanah waqaf dan pelaporan antara MAIN, yang menyebabkan amalan tidak seragam serta menjejaskan kecekapan (Nor et al., 2017; Mustaffa et al., 2022). Selain itu, isu teknikal seperti pemetaan tanah, status guna tanah dan penguatkuasaan syarat waqaf memerlukan satu sistem pendaftaran yang lebih bersepadu, pantas dan patuh syariah. Kajian juga menunjukkan masalah seperti aset waqaf yang terbiar, kekurangan dana dan kepakaran, serta tahap kesedaran masyarakat yang masih rendah (Mustaffa et al., 2022). Semua ini memberi kesan kepada keberkesanan aset waqaf serta keyakinan orang ramai terhadap institusi waqaf.

Selain itu, tahap akauntabiliti, ketelusan dan pelaporan yang jelas sangat penting untuk membina kepercayaan pewaqaf. Di Malaysia, penyelidikan *Malaysia Accounting Standards Board* (MASB) dan kajian lepas menunjukkan ketiadaan garis panduan khusus menjadi punca laporan yang tidak konsisten (Roslan & Muhamad., 2024). Oleh itu, perlu ada usaha sama ada mengadaptasi piawaian antarabangsa yang sesuai atau membangunkan garis panduan tempatan yang selari. Penerapan piawaian ini, bersama audit dalaman dan luaran, dijangka dapat meningkatkan kebolehbandingan data, mengukuhkan tadbir urus, serta membina keyakinan masyarakat terhadap integriti institusi waqaf (Nadzri, 2024)

Pendigitalan membuka peluang baharu dalam pengurusan waqaf melalui platform seperti Sistem Waqaf Tunai Malaysia dan kerjasama bank yang memudahkan kutipan, mengurangkan kos, serta meluaskan capaian pewaqaf. Namun, kejayaannya bergantung pada keselamatan siber, perlindungan data, kemudahan sistem, dan integrasi perakaunan agar aliran dana lebih telus. Kerjasama sektor awam dan swasta turut penting untuk membentuk ekosistem waqaf yang menyokong agenda *Sustainable Development Goals* (SDG) dalam pendidikan, kesihatan, dan pengurangan kemiskinan selaras dengan prinsip ekonomi Islam.

CADANGAN DAN HALA TUJU MASA DEPAN

Dalam usaha memperkukuh peranan waqaf sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi, beberapa langkah strategik perlu dirangka bagi memastikan keberkesanan dan kelestariannya (Mustaffa et al., 2022; Kamarzaman et al., 2024). Pertama, penerapan teknologi digital. Platform waqaf digital melalui aplikasi mudah alih, kod QR, serta sistem pembayaran atas talian mampu memperluas akses penyertaan pewaqaf, khususnya generasi muda yang lebih celik teknologi (Mohamad Aniq Aiman et al., 2025; Mohamed et al., 2024). Malaysia telah mula mengorak langkah dengan adanya Sistem Waqaf Tunai Malaysia (SWTM), namun langkah ini perlu diperkukuh dengan pelaksanaan sistem pangkalan data bersepadu agar setiap transaksi dapat dijejaki secara telus dari kutipan hingga agihan (Mohamad, 2025; Roslan & Muhamad, 2024). Integrasi teknologi kewangan (*fintech*) juga boleh dipertimbangkan bagi meningkatkan ketelusan dan mengurangkan risiko penyalahgunaan dana (Nadzri, 2024; Baharudin & Bahri, 2023).

Kedua, aspek tadbir urus yang berkesan, telus, dan berakauntabiliti perlu diberi penekanan. Pengalaman lalu memperlihatkan bahawa salah urus atau kelemahan pentadbiran boleh menyebabkan aset waqaf terbengkalai, tidak produktif, atau hilang nilainya (Zakaria et al., 2014; Mustaffa & Muda, 2014). Pelaksanaan audit dalaman dan luaran secara berkala dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap integriti pengurusan waqaf (Roslan & Muhamad, 2024). MAIN sebagai pemegang amanah tunggal juga perlu melaksanakan latihan berterusan kepada pegawai pengurus waqaf

agar memiliki kemahiran dalam pengurusan aset, pelaburan patuh syariah, serta perancangan strategik yang mampan (Borham, 2011; Abd. Shakor & Siti Mashitoh, 2013).

Ketiga, tahap kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai waqaf perlu dipertingkatkan. Realitinya, ramai umat Islam masih menganggap waqaf hanya terbatas kepada tanah untuk pembinaan masjid atau tanah perkuburan (Saufi et al., 2021). Pendidikan awam melalui kempen kesedaran, modul pendidikan di sekolah dan universiti, serta program media massa boleh memperluas pemahaman bahawa waqaf meliputi pelbagai bentuk aset termasuk tunai, saham, harta intelek, dan instrumen kewangan moden (Hussin & Abdul Rashid, 2018; Nawi & Daud, 2016). Lebih daripada itu, kejayaan projek-projek waqaf dari sektor kesihatan, pendidikan dan kebajikan sosial perlu diketengahkan sebagai contoh inspirasi agar masyarakat melihat keberkesanan waqaf secara nyata (Karim & Rosman, 2014; Mohamed et al., 2021; Don, 2016).

Keempat, kerjasama strategik antara sektor awam, swasta dan masyarakat menjadi kunci utama kejayaan waqaf pada masa kini. MAIN sebagai pemegang amanah tidak boleh bergerak secara bersendirian, sebaliknya perlu bekerjasama dengan syarikat berkaitan kerajaan, institusi kewangan Islam, universiti dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk memperluas pembangunan aset waqaf (Nor & Rosman, 2017; Mustaffa et al., 2022). Contohnya, model Waqaf Korporat Bank Rakyat–MAIDAM dalam pembangunan pusat hemodialisis menunjukkan bahawa gabungan sektor korporat dan institusi agama mampu memberi impak besar kepada masyarakat (Portal Rasmi MAIDAM, 2025; Karim & Rosman, 2014). Melalui pendekatan perkongsian awam dan swasta ini, pengurusan waqaf dapat dilaksanakan dengan lebih profesional, inovatif dan berdaya saing (Borham, 2011; Ab Rahman et al., 2020).

Akhir sekali, menurut Mustaffa et al. (2022), Kamarzaman et al. (2024) dan Ab Rahman et al. (2020) dengan menggabungkan teknologi digital, tadbir urus yang telus, pendidikan awam, dan kerjasama strategik, institusi waqaf berpotensi besar untuk

kembali menjadi instrumen utama pembangunan sosioekonomi umat Islam yang inklusif, lestari dan berimpak tinggi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, waqaf telah terbukti sebagai instrumen penting dalam membangunkan sosioekonomi umat Islam sejak zaman awal lagi sehingga era moden. Peranan waqaf dalam menyediakan pendidikan, kesihatan, kebajikan sosial, dan pembangunan ekonomi menunjukkan bahawa ia bukan sahaja bersifat ibadah, tetapi juga instrumen strategik untuk kesejahteraan masyarakat. Amalan kontemporari seperti waqaf tunai, waqaf korporat, dan pendigitalan telah membuka ruang baharu bagi memodenkan institusi waqaf agar lebih relevan dengan cabaran semasa. Walau bagaimanapun, cabaran dari sudut tadbir urus, ketelusan, dan keberkesanan pengurusan masih perlu diberi perhatian serius.

Dengan adanya tadbir urus yang lebih baik, pematuhan kepada piawaian, pendidikan tentang waqaf kepada masyarakat, serta kerjasama antara sektor awam, swasta dan orang ramai, institusi waqaf berpotensi menjadi pemacu utama pembangunan sosioekonomi yang adil dan berterusan. Usaha memperkasakan semula waqaf bukan sahaja dapat meningkatkan kesejahteraan umat Islam, malah mampu menjadikan waqaf sebagai alat penting untuk mengurangkan jurang sosial, menguatkan perpaduan ummah, serta memastikan pembangunan yang seimbang pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Ab Rahman, M. F., Thaidi, H. A. A., Ab Rahman, A., & Ab Rahim, S. F. (2020). Peranan Waqaf dalam Mendepani Pendemik Covid-19: The Role of Waqf in Combating Covid-19 Pandemic. *Journal of Fatwa Management and Research*, 22(1), 49-64.
- Abd Rahman, S. S. B., & Idris, J. (2018). Aplikasi Model Aida Dalam Pengurusan Waqaf. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*.

- Abd. Shakor bin Borham, Siti Mashitoh binti Mahamood. (2013). Waqaf Korporat Johor Corporation dan Sumbangannya dalam Memenuhi Tanggungjawab Sosial Islam di Malaysia: Satu Tinjauan.
- Ardo, A. M., Muhammad, A. A., Adam, M. B., Aliyu, S. A. A., & Muhammad, Z. J. (2024). The Legal Framework of Waqf and Its Role in Modern Economic Development in Nigeria. *Ahlika: Jurnal Hukum Keluarga Dan Hukum Islam*, 1(2), 162-178.
- Azha, L., Baharuddin, S., Salahuddin, S. S., & Afandi, M. R. (2013). The practice and management of Waqf education in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 90, 22-30.
- Aziza, A. B., Bakar, A. Y. B. A., & Ibrahim, M. A. B. (2021). Impak Pelaksanaan Waqaf Telaga Air di Malaysia: Satu Sorotan Kajian. *ABOUT i-KEIZAC 2021*, 592.
- Baharudin, Z. N., & Bahri, S. (2023). Institusi perbankan Islam dalam membangun dana Waqaf di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 9(1), 1-13. *Journal Of Contemporary Islamic Studies Vol. 9 ISS. 1 2023*.
- Borham, A. S. (2011). Pelaksanaan pembangunan Waqaf korporat Johor Corporation Berhad (JCorp): satu tinjauan. In *International conference on humanities* (pp. 1-13). <https://core.ac.uk/download/pdf/12007094.pdf>
- Borham, A. S., & Mahamood, S. M. (2013). Waqaf korporat Johor Corporation dan sumbangannya dalam memenuhi tanggungjawab sosial Islam di Malaysia: Satu tinjauan. *Journal of Techno-Social*, 5(2).
- Dahalan, H. M. (2023). 1086-Sejarah dan Peranan Agensi-Agensi di Bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dalam Memperkasa Ekonomi dan Kebajikan Ummat Islam di Malaysia.
- Don, M. A. M. (2016, March). Peranan Waqaf untuk pembangunan pendidikan tinggi: sejarah silam dan pelaksanaan di Malaysia. In *E-Prosiding 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization ICASIC2016* (pp. 14-15).
- Hussin, R., & Abdul Rashid, R. (2018). Pelaksanaan Waqaf di universiti awam: Cabaran dan cadangan penambahbaikan. *Voice of Academia (VOA)*, 13(2), 23-34. https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/32565/1/AJ_ROHAYATI%20HUSSIN%20VOA%20K%2018.pdf
- Ismail, M., Som, H. M., Deni, M. I. M., & Sulaiman, M. (2015). Model Operasi Waqaf Pendidikan di Malaysia. In *International Conference on Cash Waqf (ICCW)* (pp. 215-228).
- Kamarzaman, N., Ahmad, A. A., Zain, M. N. M., & Muda, M. Z. (2024). Peranan waqaf dalam penggerak ekonomi islam bagi menangani keterbatasan dana dalam penyelidikan dan inovasi di sektor pendidikan TVET [The Role of Waqf in Driving Islamic Economics to Address Funding Limitations in Research and Innovation Within the TVET Education Sector]. *BITARA International Journal of Civilizational*

Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080), 7(2), 290-308. <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/500/533>

Kamarzaman, N., Ahmad, A. A., & Muda, M. Z. (2024). Leveraging waqf to address financing constraints in technical and vocational education and training (TVET) Research and Innovation. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(4), 1631-1645.

Karim, A. K., & Rosman, A. S. (2014) Konsep Waqaf Kesihatan & Perkembangannya di Malaysia. Proceedings of the Asean Islamic Endowment Seminar 2014 (IQLIMI 2014) (ISBN 978-967-5852-25-1). 29th April 2014, Nilai Negeri Sembilan, MALAYSIA.
https://www.academia.edu/11281631/KONSEP_WAQAF_KESIHATAN_and_PER_KEMBANGANNYA_DI_MALAYSIA

Katty Hsiao Jia Wong, Ti Ching Yan, & Janice Lay Hui Nga. (2011). Kemiskinan Dan Pendidikan: Kesan Dan Cabaran Di Kalangan Belia Malaysia. *Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*, Vol 5, 55–76.
https://www.iyres.gov.my/images/2025/MJYS_Journals/MJYS%20Vol%205%20Dec%202011.pdf#page=59

Mohamed, N., Daud, H., & Aris, N. M. (2021). Pelaksanaan waqaf kesihatan oleh Majlis Agama Islam Negeri (Main): Implementation of Healthcare Waqf by The State Islamic Religious Council (Main). *Jurnal Pengajian Islam*, 14(2), 109-120.
<https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/135/100>

Mohd Taib, M. S., & Mujani, W. K. (2014). Sejarah pendidikan Waqaf di Malaysia: Tinjauan literatur. <https://core.ac.uk/download/42981653.pdf>

Mohamad, M. R. (2025). Amalan dan pelaksanaan Waqaf tunai di Terengganu. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 11(1), 1-10.

Mohamed, N., Shafiai, M. Z., Zaman, M. A. K., & Daud, M. N. (2024). Potensi Dan Realiti Kutipan Dana Waqaf Tunai Negeri Perak Darul Ridzuan. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*. Volume 2 Issue 2 (21-37) © 2024 e-ISSN 3009-1268 DOI: <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol2.2.2.2024>

Mustaffa, N., & Muda, M. Z. (2014). Pengurusan Waqaf pendidikan di institusi pengajian tinggi Malaysia: Satu sorotan literatur. *International Journal of Management Studies*, 21(2), 63-81. <https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ijms/issue/view/500>

Mustaffa, M. F., Kamil, A. M. M., Khalin, M. R., Bulabita, A., & Haji-Othman, Y. (2022). Pengurusan Waqaf di Malaysia: Peluang & Cabaran Dalam Melestarikan Pembangunan Masyarakat. *International Journal of Contemporary Issues*, 2(1), 111-121.

Muda, M. Z. (2014). Pengurusan Waqaf Pendidikan Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur (Management of Waqf Education in Higher

Education Institution In Malaysia: A Literature Review). *UMRAN-Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 1(1).

Mohamad Aniq Aiman Alias, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Hasnizam Hashim, Tuan Muhammad Faris Tuan Ibrahim. (2025) S. T. The Transformation of Cash Waqf Through Digitalisation in Malaysia: A Preliminary Analysis Transformasi Waqaf Tunai Melalui Pendigitalan Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal.

Nadzri, M. S. B. (2024). Implication Of Reporting and Governance Framework in Waqf Institution: A Case Study of Perbadanan Waqaf Selangor (PWS).

Nasution, I. W. J. P., Sirait, A. A., & Yulia, F. (2024). Waqaf sebagai solusi pembiayaan pendidikan di era klasik. *Didaktika: Jurnal Kependidikan*, 13(4 Nopember), 4415-4426. <https://mail.jurnaldidaktika.org/contents/article/view/995/649>

Nawi, N. H. M., & Daud, B. C. (2016). Sinergisme konsep Waqaf pendidikan dan gagasan keusahawanan sosial Islam: wasilah pembangunan komuniti intelektual mandiri. *dalam Sinergisme Waqaf Pendidikan Tinggi di Malaysia*, 85-100.

Nor, S. M., & Rosman, R. (2017). Cabaran dalam melaksanakan Waqaf pendidikan bagi Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. In *4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management* (pp. 296-308).

Noor Aimi Bt Mohamad Puad, Nurauliani Bt Jamlus Rafdi, Ahmad Yani Bin Ismail, Aza Shahnaz Bt Azman, Ilyas Bin Abdullah. (2015) Penubuhan Rumah Sedekah: Isu Dan Cabaran. *International Conference on Postgraduate Research (ICPR2015)*. <https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemIV/PERKEM2009-1-21.pdf>

Noor, M. I. M., Noor, F. N. M., & Aziz, F. Y. (2019). Pelaksanaan Waqaf dalam Industri Perhotelan Patuh Syariah: Application Waqf in Shariah Compliant Hotel Industry. *Journal of Fatwa Management and Research*, 16(2), 127-137. <http://jfatwa.usim.edu.my/index.php/jfatwa/article/view/252/188>

Palasenda, N. F., & Salikurrahman, M. (2024). The Role of Waqf in Advancing Quality Education and Community Empowerment in Alignment with the Sustainable Development Goals. *el-Tarbawi*, 17(2).

Portal Rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Diambil pada 4 September 2025. <https://Waqaf.maidam.gov.my/Waqaf-hemodialisis>

Portal Rasmi Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). Diambil pada tarikh 4 September 2025. https://www.maim.gov.my/index.php/ms/?option=com_content&view=article&id=248&catid=19&Itemid=294&lang=my

Portal Rasmi Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP). Diambil pada tarikh 4 September 2025.

<https://www.mainpp.gov.my/index.php/component/content/article/majlis-perasmian-wad-pesakit-terlantar-darul-hanan?catid=53&Itemid=101>

Portal Rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK). Diambil pada tarikh 4 September 2025. <https://waqaftunai.e-maik.my/index.php>

Rashid, F. D., Yaakob, R., Lateh, H. M., & Ruslan, N. I. N. (2022). Penelitian terhadap waqaf kediaman dan pendidikan di Malaysia menerusi komperatif negara terpilih [Research on Residential and Education Endowment in Malaysia through Comparative Selected Countries]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(3), 40-57.

Roslan, N., & Muhamad, N. (2024). Waqf reporting standardization: Towards a comprehensive governance framework. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(1).

Saufi, S., Mohamed, N. A., Saleh, M., Ghani, H. A., & Noor, S. (2021). hubungan tahap kefahaman masyarakat terhadap sumbangan waqaf dengan kepercayaan terhadap institusi pengurusan waqaf di Malaysia. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 50-60. <https://www.almimbar.uis.edu.my/kuisjournal.com/index.php/almimbar/article/view/24>

Zakaria, M., Hassan, M. S., & Latif, R. A. (2014). Pelaporan waqaf di Malaysia: Mengenal pasti keperluan maklumat pemegang kepentingan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia* ke, 9. https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkem2014/PERKEM_2014_2A5.pdf